



BULETIN SPRM

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

LAPORKAN RASUAH
1-800-88-6000




SPRM Bil 3/2016

ISSN : 1675 -5170

Bebas • Telus • Profesional

IKRAR INTEGRITI KORPORAT Corporate Integrity Pledge (CIP)



Temubual



**RADIO STREAMING
MACC**
My Anti-Corruption Channel

● Dato' Sri Mohd Shukri

Pencegahan & Jelajah Integriti

- Kempen Pencegahan Rasuah
- Ikrar Integriti SPNB



Majlis Pelancaran Pencegahan

Ikuti kami :



www.macc.fm



facebook.com/SPRM



www.sprm.gov.my



www.ourdifferentview.com



[@SPRMCommunity](https://www.facebook.com/SPRMCommunity)



[@SPRMMalaysia](https://twitter.com/SPRMMalaysia)



[flickr.com/photos/ourdifferentview](https://www.flickr.com/photos/ourdifferentview)



[youtube.com/user/ODVMACC](https://www.youtube.com/user/ODVMACC)

KANDUNGAN

PENA PENGARANG	2
SLOT KHAS	3
Bersama Dato' Sri Mohd Shukri Bin Abdull Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM	
MACC.FM	5
Pengisian Rohani Pupuk Integriti	
SUARA 'CHECK & BALANCE'	6
Women Touch In Fighting Graft	
ARTIKEL	7
Malaysia Is World Champion In Corruption?	
LENSA	8
PENCEGAHAN	10
Ikrar Integriti Korporat (CIP) : Pengukuhan Budaya Integriti, Pencegahan Rasuah Organisasi	
RENCANA KHAS	12
Pelan Strategik Pencegahan Rasuah	
JELAJAH INTEGRITI	14
• Bank Muamalat Tandatangani CIP	
• MQA Zahirkan Komitmen Banteras Rasuah	15

Buletin SPRM diterbitkan oleh Seksyen Penerbitan, Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM melalui konsep "Informasi Dikongsi Rasuah Dihindari". Artikel-artikel dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi penulis, bukan dasar atau kenyataan rasmi SPRM dan tiada kaitan dengan mana-mana pihak. Buletin ini diedarkan secara percuma kepada sektor kerajaan, badan berkanun, swasta dan perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS) seluruh negara.

PENCETAK

MPH Group Printing (M) Sdn Bhd
No.31 Jalan 2/148A, Taman Sungai Besi
Industrial Park, 57100 Kuala Lumpur
Tel : 03-7987 0966 | Faks : 03-7984 0966



Pena PENGARANG

Assalamualaikum WBT,
Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan
Salam Integriti.

Alhamdulillah, syukur kepada Illahi, para muslimin sekali lagi direstui untuk menjalani ibadah berpuasa di bulan Ramadan Al-Mubarak dalam keadaan sederhana.

Ramadan merupakan bulan yang mulia di mana umat Islam diwajibkan berpuasa, iaitu menahan diri daripada makan dan minum pada siang hari dan melakukan perkara yang boleh membatalkan puasa dan pahalanya.

Yang paling penting adalah bagaimana ibadah puasa itu mampu mengawal tingkah laku luaran individu yang berpuasa agar terus beristiqamah sehingga mencapai status orang yang berpuasa secara sempurna.

Puasa juga bukan hanya tertumpu kepada aspek fizikal dan luaran, tetapi turut merangkumi aspek dalaman atau kejiwaan dan kerohanian.

Di sinilah kita perlu mengambil kesempatan untuk terus mengingati diri kita untuk mencari rezeki secara halal. Pendapatan daripada perlakuan rasuah adalah diharamkan dalam Islam dan juga agama-agama lain. Walaupun kurang, biarlah segala yang kita kongsi bersama orang-orang tersayang merasai berkat pendapatan yang halal. Biarlah bulan yang mulia dihiasi dengan perbuatan serta pemikiran yang mulia.

Sejajar dengan dasar 'Merakyatkan SPRM' dan sempena bulan yang mulia ini, pihak SPRM turut melaksanakan tanggungjawab korporat dengan meraikan golongan yang kurang bernasib baik. Pihak SPRM bersama dengan Puspanita SPRM dan SEGI University and College telah meluangkan masa untuk berbuka puasa bersama anak-anak yatim, muallaf dan ibu tunggal daripada Pertubuhan Kebajikan Dan Penjagaan Nur Hidayah.

Dalam menyebarkan luas kempen anti rasuah, SPRM telah melangkah ke alaf baru seperti penyebaran mesej anti rasuah menerusi sokongan dan penglibatan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Hasilnya, bermulalah Kempen #BermulaDaripadaAnda di mana mesej tersebut dipaparkan di ke semua paparan elektronik di sepanjang lebuhraya di Malaysia. Selain itu, pihak LLM bersama konsesi-konsesi lebuhraya turut membuka ruang di 24 hentian Rawat dan Rehat (R&R) untuk SPRM mempamerkan poster-poster pencegahan rasuah.

Usaha pencegahan rasuah perlu disertai oleh semua lapisan masyarakat dan usaha LLM dan konsesi lebuhraya tersebut harus dipuji. Inilah yang dimaksudkan, 'Anda Boleh Lakukan Perubahan, PERANGI RASUAH'!

Akhir kata, menjelang bulan Syawal yang mulia, saya ingin mengambil kesempatan bagi pihak SPRM untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri. Maaf Zahir dan Batin. Saya doakan agar ukhwah yang dibina di antara kita semua semakin rapat serta terjalin dengan baik ke arah memerangi rasuah bersama.

Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil
Penasihat Eksekutif Editorial



BERSAMA

DATO' SRI MOHD SHUKRI BIN ABDULL
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), SPRM

Soalan 1: Boleh Dato' Sri ceritakan serba sedikit tentang diri Dato' Sri?

Dato' Sri: Saya berasal dari sebuah kampung pedalaman yang kecil di daerah Pendang dan merupakan anak sulung. Saya mempunyai seorang adik perempuan dan kami dua beradik sahaja. Keluarga kami susah di kampung di mana bapa dan mak saya merupakan pesawah padi.

Ketika zaman sekolah dulu, saya terpaksa mengayuh basikal sejauh 15 kilometer untuk pergi dan balik. Saya masih ingat, sekiranya sesi persekolahan adalah sesi petang, waktu pagi saya terpaksa menoreh getah untuk menyara keluarga saya. Memang perit hidup semasa saya kecil dahulu. Tetapi Alhamdulillah, rezeki Allah bagi, saya diletakkan di sini dan merupakan anak pertama di kampung saya yang bertugas di SPRM.

Soalan 2: Boleh Dato' Sri ceritakan tentang pendidikan Dato'Sri?

Semasa di sekolah rendah, saya belajar di kampung saya, Sekolah Kebangsaan Guar Kepayang, Pendang, dan kemudian melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah di Pendang dari tingkatan satu hingga lima, dan seterusnya tingkatan enam di Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Syed Omar, Alor Setar. Selepas STPM, saya menyambung pelajaran ke Universiti Kebangsaan Malaysia dari 1980 hingga 1984 dalam pengkhususan bidang Geografi. Tesis yang saya buat adalah berkaitan dengan kaji bangunan. Kalau tengok dia punya bidang tu, orang kata tak *ngam* dengan kerja SPRM. Ia memang sesuatu yang berbeza. Tetapi, nak membuktikan bahawa bidang itu adalah akademik dan kita boleh jadi hebat dan berjaya asalkan ada usaha. Akademik tu akan membantu tetapi dalam pada masa yang sama, usaha bersungguh-sungguh menjadikan seorang pegawai berjaya.

Soalan 3: Boleh Dato' Sri ceritakan bilakah Dato'Sri mula memasuki perkhidmatan awam ini? Pada tahun bila dan apakah jawatan yang pertama?

Selepas menamatkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia, saya sebenarnya menerima banyak tawaran pekerjaan, antaranya menjadi pensyarah di sebuah universiti awam, pegawai pelancongan, pegawai air traffic controller dan juga pegawai di BERNAS. Tetapi saya memilih kerjaya BPR dan mula bertugas pada 1 September 1984 di pejabat BPR di Jalan Duta.

Saya bermula sebagai pegawai BPR di Cawangan Akaun, Bahagian Siasatan. Setelah selesai kursus selama tiga bulan di pusat latihan BPR di Jalan Sultan Sulaiman, saya telah ditempatkan di BPR Pulau Pinang pada 1 April 1985. Saya tidak lama di sana. Hanya dua tahun sahaja. Setiap minggu mesti ada kes. Pada masa itu, saya mengetuai unit siasatan dan cepat mahir. Kerja kami akan sampai malam dan memang menjadi 'rutin'. *Very interesting*. Ini dapat mengajar kita menjadi cekal dan di situlah timbul minat yang mendalam. Selepas di Pulau Pinang, saya ditukarkan ke Cawangan Tindakan Khas.

Soalan 4: Dalam mendapat tawaran pelbagai jawatan dalam masa yang sama, mengapa Dato' Sri tetap memilih untuk menjadi pegawai siasatan?

Untuk pengetahuan pendengar-pendengar MACC fm, semasa saya di tahun akhir di Universiti Kebangsaan Malaysia, saya telah pergi ke ibu pejabat BPR di Jalan Duta untuk memohon kerja dan saya turut membawa resume. Saya tidak ingat pegawai yang saya jumpa ketika itu. Tapi saya ingat bahawa saya memang pergi dengan kawan untuk meminta jawatan kosong. Kemungkinan nama saya diambil ketika itu dan diserahkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam. Dan saya dipanggil untuk temuduga. Jadi maksudnya saya memang dari awal memohon jawatan pegawai BPR sebelum mendapat jawatan lain. Ini menunjukkan saya terlampau minat. Saya tidak pergi ke jabatan lain untuk meminta kerja. Hanya BPR sahaja saya pergi untuk mendapatkan pekerjaan.

Soalan 5: Selepas bertugas di Pulau Pinang dan kembali ke ibu pejabat, adakah Dato'Sri masih ada bertugas di tempat lain?

Di ibu pejabat, saya menjadi Ketua Siasatan di Cawangan Tindakan Khas. Pada masa itu Cawangan Tindakan Khas berada di bawah Bahagian Perisikan. Tapi ia tidak buat kerja perisikan. Ia menjalankan kerja-kerja siasatan terbuka. Termasuklah kes-kes besar. Dan pejabat kami pada masa itu berada di Bank Negara. Lebih kurang 4 tahun saya berada di situ. Pada Januari 1991 saya ditukarkan ke Kedah iaitu negeri asal saya. Saya diberi peluang balik ke sana dan saya masih menjadi Ketua Unit Siasatan. Saya bertugas sehingga 30 Mei 1996 di Kedah dan pada 1 Jun 1999 saya dilantik sebagai Pengarah SPRM Perlis. Saya merupakan di antara pengarah termuda pada masa itu. Di Perlis saya bertugas sehingga tahun 1999. Seterusnya saya ke Kelantan sebagai Pengarah di Kelantan sehingga tahun 2002.

“Bukan senang untuk seseorang memegang jawatan sebagai Pengarah Siasatan. Ia memerlukan kesabaran, dan membuat keputusan yang tepat.”

Pada 1 Januari 2003 saya ke Sabah sebagai pengarah di Sabah, pejabat Kota Kinabalu. Dan ketika itu, saya masih ingat saat diarahkan bertukar ke Sabah. Peristiwa ini orang muda kena tahu, kena ingat. Semasa saya menerima arahan untuk pergi ke Sabah, ayah saya berjuang antara hidup dan mati di Hospital Alor Setar kerana terkena serangan jantung.

Saya memohon supaya ditangguhkan. namun saya tetap diarahkan untuk melaporkan diri pada tarikh tersebut dan saya tetap pergi laporkan diri walaupun fikiran saya sedang bercelaru. Maksudnya walaupun ayah saya di hospital, saya tetap patuh arahan untuk ke sana. Di Sabah, saya menghadapi satu perkara baru. Adat dan cara hidup baru dan agak berbeza. Saya berada di Sabah sehingga bulan Jun tahun 2006 dan saya diarah balik ke ibu pejabat untuk menjawat jawatan Timbalan Pengarah Siasatan. Pada tahun 2006, saya dilantik sebagai Pengarah Siasatan, di situlah sebenarnya 'hot seat'. Bukan senang untuk seseorang memegang jawatan sebagai Pengarah Siasatan. Ia memerlukan kesabaran dan membuat keputusan yang tepat. Selepas lima tahun, saya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi bermula 1 Januari 2010 sehingga sekarang. Lebih kurang 32 tahun, saya memang bergelumang dengan operasi. Walaupun pengalaman saya sebagai pengarah di Kelantan, Sabah, tapi fokus saya, jiwa saya tetap pada operasi.

Soalan 6: Apakah pengalaman pahit Dato' Sri sepanjang 32 tahun di SPRM?

Banyak pengalaman pahit. Tapi mungkin ada 2 atau 3 peristiwa saya tak akan lupa sampai bila-bila. Peristiwa yang saya boleh cerita kepada anak cucu saya nanti. *Even* saya boleh kongsi dengan pegawai baru dan orang awam juga.

Di antaranya adalah ketika ditukarkan 24 jam dan yang lebih menyedihkan lagi, saya baru sahaja berkahwin selama seminggu. Saya diarahkan untuk bertukar dalam tempoh 24 jam kerana ada orang mengkhianati saya. Ada orang masukkan *drug* di bawah seat kereta saya. Dadah seberat 1 kilogram. Seandainya saya ditangkap polis pada kejadian itu, mungkin saya sudah tiada dalam perkhidmatan sekarang. Semasa kejadian tersebut, saya terus pergi buat report polis. Pihak polis

dapati ianya adalah dadah ganja yang mampat, seberat 1 kilogram. Kalau kena tu, saya tidak tahu lah... Allah selamatkan saya pada masa itu.

Sejak kejadian tersebut, sudah menjadi amalan, saya akan selalu check kereta. Depan belakang. Bawah kusyen. Semua saya check. Saya menjadi lebih berhati-hati. Kita tidak tahu apa yang akan berlaku pada masa akan datang. Menjadi seorang pegawai SPRM memang tinggi risikonya. Terutamanya dalam bidang operasi. Itu merupakan pengalaman yang saya rasa orang lain tidak mengalaminya. Pada masa itu saya masih muda. Dalam 20 puluhan, di mana saya memang cukup agresif. Saya tidak pernah kata tidak. Kami akan turun bertugas apabila diarahkan.

Selain itu, ada pengalaman pahit lain yang saya tak boleh lupa. Pengalaman pahit tapi pahit itu ada manisnya. Saya ingat semua orang tahu kes ini. Kes Teoh Beng Hock. Saya pun merasa marah juga pada masa itu, tetapi selepas itu, sekarang ini, saya rasa ada hikmah, ada kebaikan di sebaliknya. Disebabkan dengan kematian Teoh Beng Hock, bukan kita minta dia mati, tapi selepas kejadian itu, SPRM telah berubah secara besar-besaran. Dan menjadi institusi yang amat dikagumi oleh orang ramai. Ia adalah kesan daripada kejadian yang berlaku.

Soalan 7: Apakah pengalaman manis yang dapat Dato' Sri kongsi dengan kami sepanjang perkhidmatan Dato' Sri?

Bagi saya, memang banyak. Saya tak dapat nak sebut satu persatu. Apabila pegawai menyiasat sesuatu kes itu dan dapat menyiapkan kes itu dengan sempurna, itulah pengalaman manis. Sebagai seorang pegawai penyiasat, kita akan rasa sangat berpuas hati apabila dapat menyiapkan dengan sempurna dan menyerahkan pada timbalan pendakwaraya.

Sepanjang 32 tahun, memang banyak kes besar dapat diselesaikan. Dapat selesai kes itu atau tidak, ke mahkamah atau tidak, soalnya itu bukan tanggungjawab SPRM, tugas kita hanya menyiasat. Kalau nak hitung kes-kes besar saya terlibat, memang terlampau banyak dan bagi saya, semakin besar kes dan makin bertambah kes kompleks, lagi saya suka. Lagi hebat. Bagi saya, kalau pegawai nak belajar, pilih kes yang kompleks supaya dapat memantapkan diri dan menjadi pegawai yang berjaya. Semakin susah kes itu, saya percaya kita boleh menjadi pegawai yang hebat.

Soalan 8: Apakah pesanan dan harapan Dato' Sri?

Marilah kita bersama-sama dengan SPRM. Saya merayu kepada semua masyarakat Malaysia. Kehebatan SPRM tidak akan ke mana-mana kalau tanpa sokongan semua masyarakat. *as*

PENGISIAN ROHANI PUPUK INTEGRITI

Temubual Bersama Tan Sri Musa Hassan, mantan Ketua Polis Negara

“Untuk memupuk nilai integriti yang tinggi, perkara yang paling utama adalah dengan mengadakan program pengisian kerohanian terutama bagi yang beragama Islam.”

Demikian ujar Tan Sri Musa Hassan, Ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah yang juga merupakan mantan Ketua Polis Negara ketika ditanya mengenai cara untuk memupuk nilai integriti dalam diri ketika ditemubual di MACC.FM.

Beliau turut menekankan kepada masyarakat, sekiranya masing-masing melaksanakan tanggungjawab dengan berintegriti, maka banyak kejayaan yang dapat diperolehi dalam menangani masalah. *as*



“Untuk memupuk nilai integriti yang tinggi, perkara yang paling utama adalah dengan mengadakan program pengisian kerohanian terutama bagi yang beragama Islam.”

– Tan Sri Musa Hassan, mantan Ketua Polis Negara



Tan Sri Musa Hassan berbincang dengan Dato' Sri Haji Mustafar Haji Ali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM sewaktu hadir ke konti MACC.fm.

JADUAL SIARAN MACC.fm

BM	-	9 pagi - 9 malam
Mandarin	-	Isnin - Khamis 11 pagi - 1 petang
BI	-	Rabu 9 pagi - 11 pagi
Tamil	-	Khamis 11 pagi - 1 petang



By: Tan Sri Johan Jaaffar
Former Chairman, Consultation and Corruption
Prevention Panel of the MACC

"WOMEN TOUCH IN FIGHTING GRAFT"

It was either a smart move or a desperate one. But it was nothing short of sensational. Indonesian President Joko "Jokowi" Widodo has appointed nine women to the committee to select leaders of the Corruption Eradication Commission (Komisi Pemberantasan Korupsi, or KPK). The selection committee (Panitia Seleksi, or Pansel) is headed by Destry Darmayanti and comprises members from various disciplines. They are dubbed *Sembilan Srikandi* (nine heroines) by the press.

The response was immediate – from praises to downright cynicism. Jokowi, say his detractors, is using Pansel to polish his tarnished image. How he managed the leadership crisis at KPK left even his ardent supporters in bewilderment. KPK has become a pawn in a game of throne. The collateral damage was the former commissioner, Abraham Samad. Abraham was feared by many. He famously said there were no "untouchables" in the eyes of KPK.

He spoke too soon. He had too many enemies. When Jokowi wanted to name a particular commander as police chief, Abraham made it known to the world that KPK would not approve it. On Jan 13, Abraham made a statement that the commander was a graft suspect.

The retaliation was immediate. Abraham lost his job and was subjected to criminal investigation by the police. Jokowi is said to be incapable of saving Abraham. The same Jokowi was instrumental in ensuring all his cabinet ministers went through KPK vetting. He was praised the world over for doing that. A "clean" cabinet matters to him. A popular president that he is, such a move made him even more endearing to the public.

Abraham was simply too powerful, perhaps, even too arrogant. He meant well. And, acted decisively without fear or favour. He came at the right time, too. Indonesians have, for far too long, taken corruption for granted. Money speaks. Power corrupts. KPK, under Abraham, became the "poster boy" of fighting corruption. If Indonesia can do it, other countries can do it, too. We, too, are eager to learn from the Indonesian experience.

Abraham should have learnt from what had happened to Antasari Azhar, who led KPK until 2009. Antasari was charged with being an accomplice in a murder case. He noisily sounded his innocence, but to no avail. The verdict: Antasari was imprisoned for 18 years. His appeal has not been successful. For many, the Antasari case

" The selection committee (Panitia Seleksi, or Pansel) is headed by Destry Darmayanti and comprises members from various discipline. They are dubbed *Sembilan Srikandi* (nine heroines) by the press. "

was an eye-opener. He was not without flaws, but he was trying his best at KPK. Abraham has all the attributes of a good graft-buster. But, graft-busting isn't easy anyway. Like Antasari, his detractors were convinced that he, too, had a chequered past. And, like Antasari, he stepped on too many toes.

Abraham was so popular that at one time, even Prabowo Subianto was compelled to float his name as running mate in his presidential bid last year. To be fair, under his leadership, KPK had an impressive record in attacking graft.

He was able to galvanise a sort of a people's movement in the crusade against graft. When Dewan Perwakilan Rakyat (House of Representative) was unable to finance the new headquarters for KPK, a movement known as "Koalisi Masyarakat Sipil Koin untuk KPK" (Coalition of Civil Society for Coins for KPK) was formed in 2012. "Koin untuk KPK" was one of the best things that had happened to public consciousness about corruption in Indonesia. People want KPK to remain independent.

Will the selection panel, comprising all women, solve the crisis at KPK? Does KPK need a feminine touch? Are they objective and professional enough to make the right judgement on who should be leading KPK? While there is a general consensus that women are less tempted to be corrupt, the truth is that corruption transcends gender. In Indonesia, there have been high-profile cases of women charged with corruption. It doesn't matter who selected the graft-busters; the performance of those selected depends so much on the ecosystem surrounding them. Political interference kills credibility.

An agency like KPK needs the power and the necessary acts to be effective. True, any graft-busting agency's gripe against political interference is acceptable, but its power needs to be checked. A blank cheque can be equally dangerous. Uninhibited autonomy can be misused. The parameters of powers must be spelled out clearly. Too much power without check and balance in the hands of one person can be counter-productive. No graft-buster can win the fight alone. Not even a brave person like Abraham. But looking back, he has himself to blame, too, for his fall from grace.

The views expressed here are entirely the writer's own and previously published in local dailies. Tan Sri (Dr.) Johan Jaaffar is the former Chairman of the Consultation and Corruption Prevention Panel of the MACC Independent Oversight Body and a towering personality in the media and advertising industry. BS



MALAYSIA IS WORLD CHAMPION IN CORRUPTION?

Oleh: Hairuzzaki Mohd Yusof
Penolong Pengarah Kanan CIDC, MACA

Merujuk kepada laporan berita Hindustan Times pada 3 Oktober 2013 bertajuk "*Malaysia is World Champion Corruption*" penulis ingin memberikan respon kepada paparan berita tersebut. Adalah menjadi tidak adil sekiranya pihak tersebut memberikan gambaran kepada isu rasuah di Malaysia yang dikatakan paling tinggi di dalam sektor swasta berbanding dengan negara-negara lain dengan hanya berpandukan kepada satu kajian sahaja.

Ini akan menjadi berat sebelah dan tidak konklusif kerana ia tidak dibuat perbandingan dengan kajian-kajian oleh institusi-institusi lain yang turut membuat kajian rasuah di seluruh dunia seperti Transparency International, World Bank, IDEAS dan lain-lain.

Timbul persoalan yang harus dikupas dan dijelaskan jika kita mengambil pandangan kajian tersebut iaitu, adakah konotasi rasuah adalah sama di antara satu negara dengan negara yang lain? Perkara ini sangat penting untuk dibuat pertimbangan sekiranya sesuatu kajian perbandingan hendak dijalankan.

Sebagai contoh, di negara Amerika Syarikat (AS), undang-undang dan masyarakat mereka menerima secara *consensus* bahawa komisen atau *Facilitation Payment* di dalam urusan perniagaan adalah perkara biasa dan diterima sebagai budaya di dalam kehidupan seharian mereka.

Sebaliknya di United Kingdom (UK), *Facilitation Payment* termasuk di dalam undang-undang rasuah atau *Foreign Bribery Law*. (*A Resource Guide US Foreign Corrupt Practice: 2012*).

Hujah ini disokong oleh Mark Philips (1997) yang berhujah bahawa budaya sesebuah negara terhadap sesuatu perkara itu menjadi penentu kepada tafsiran rasuah di negara tersebut. Jika kita melihat kepada perkara tersebut, dengan kepelbagaian perlakuan dan tafsiran terhadap perlakuan rasuah di setiap negara di dunia menjadikan kajian perbandingan itu tidak boleh diterima sebagai kayu pengukur kepada perlakuan rasuah di sesebuah negara.

Merujuk kepada negara Indonesia sebagai contoh, wang rasuah kepada polis trafik tidak dikatakan sebagai rasuah sebaliknya ia dikatakan wang jaminan dan masyarakat mereka menerima perkara tersebut sebagai norma dan budaya yang boleh diikuti. Manakala, di kebanyakan negara-negara barat, mereka menerima definisi rasuah sebagaimana yang dinyatakan oleh Nye (1989) iaitu 'menggunakan ganjaran untuk memesonkan pertimbangan seseorang yang telah diamankan dengan sesuatu.

Tetapi di dalam budaya barat yang berbeza-beza, pemahaman rasuah juga akan berbeza. Persoalannya, apakah yang dimaksudkan dengan ganjaran, dan apakah yang dimaksudkan dengan komisen di dalam dunia perniagaan?

Kadangkala ianya boleh diterima oleh masyarakat, tetapi ia akan menjadi masalah jika budaya masyarakat kurang memahami konsep rasuah dan melihatnya sebagai sesuatu yang tidak salah. Oleh itu, bagi Mark Philips (1997), untuk memberikan definisi rasuah hendaklah berhati-hati dengan mengambil kira faktor-faktor di atas. Ini kerana yang berdasarkan kepada cadangan *Independent Commission Against Corruption (ICAC) New South Wales* berkenaan kes Tony Metherall (1).

It must be said that what is 'corrupt', i.e the wrongful exercise of public duty in any community, will depend on what the correct duty is determined to be. That will be influenced by cultural issues

and acceptable behavioural standards within communities. There may be behaviors that 'is right' in one country and 'wrong' in another. The very first step must be to determine and clearly signpost the standards of behavior that are required to be observed by public officials. (dlm Mark Philip 1997:439-440)

Walaupun begitu, harus diingat bahawa setiap kajian yang dijalankan mempunyai ertinya tersendiri. Oleh itu, sebagai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah yang sedang mengukir nama di persada antarabangsa, kita seharusnya berlapang dada dan menerima pandangan pihak luar serta menjadikannya sebagai cabaran di dalam mengoptimalkan program transformasi yang giat dijalankan oleh SPRM.

Dari sudut pandangan positif, kita boleh menjadikan laporan-laporan rasuah yang dikeluarkan oleh pelbagai pihak sebagai pembakar semangat dan peringatan untuk kita perbaiki ilmu dan kemahiran di dalam bidang pencegahan rasuah di peringkat nasional dan antarabangsa.

Berbalik kepada isu utama, iaitu, persepsi rasuah oleh golongan korporat dan peniaga daripada luar negara untuk menjalankan perniagaan di Malaysia. Isu ini perlu dikupas dengan lebih mendalam kerana ia melibatkan beberapa faktor seperti kurang pengetahuan mengenai undang-undang serta unsur budaya yang dijadikan sebagai satu alasan untuk golongan ini memberikan rasuah untuk menjalankan perniagaan di Malaysia.

Di dalam dunia perniagaan, rasuah tidak pernah dianggap sebagai satu perkara yang baik dan menguntungkan kerana ia memberikan kesan yang buruk. Mungkin rasuah mampu mengurangkan birokrasi tetapi menurut Paolo Mouro (1995), rasuah akan menyebabkan pasaran menjadi kurang bersaing dan memberi kesan kepada perniagaan yang jujur. Ia juga menyebabkan transaksi perniagaan menjadi tidak stabil dan kontrak yang diperolehi melalui jalan penyelesaian berdasarkan isu ini. Adalah dicadangkan supaya kerajaan meningkatkan lagi penguatkuasaan dengan memperkenalkan garis panduan dan akta yang lebih ketat selain Seksyen 22- Akta SPRM 2009, yang hanya membabitkan rasuah kepada pegawai awam asing.

Sebagai contoh, pada tahun 1997, Senat Amerika (AS) telah meluluskan *U.S Foreign Corrupt Practices Act (USFCPA)*. Akta ini melibatkan penguatkuasaan undang-undang negara-negara lain terutama negara ketiga untuk tujuan memperolehi kontrak. Jika dikaitkan dengan isu ini, ia dilihat amat penting untuk membanteras rasuah di dalam dunia perniagaan yang melibatkan negara yang berlainan.

Oleh itu dicadangkan juga supaya undang-undang tersebut diperjelaskan dengan mengeluarkan satu garis panduan yang jelas untuk mendidik pemilik syarikat-syarikat tempatan dan luar negara mengenai perkara-perkara yang dibenarkan dan dilarang, serta contoh-contoh berkaitan rasuah seperti *A Resource Guide to the U.S Foreign Corrupt Practices Act* yang dikeluarkan oleh Jabatan Keadilan Negara Amerika Syarikat untuk menjelaskan akta tersebut. BS

1 Tony Metherall merupakan Ahli Parlimen yang mewakili Parti Liberal di New South Wales. Pada 1991, parti Liberal, yang diketuai oleh Nick Greiner, telah memenangi pilihan raya, tetapi dengan hanya kelebihan tiga kerusi parlimen. Pada masa yang sama terdapat empat kerusi yang diwakili oleh Ahli Parlimen bebas. Kemudian Metherall telah keluar daripada Parti Liberal dan menjadi ahli parlimen bebas. Dan selepas kekalahan pilihanraya kecil, telah menjadikan bilangan kerusi yang sama diantara Liberal sebanyak 49 kerusi dan Buruh juga sebanyak 49 kerusi. Ini menyebabkan Greiner telah berbingang secara sulit dengan Metherall dan hasilnya Metherall telah meletakkan jawatan sebagai ahli parlimen. Kemudian pada hari yang sama beliau telah dilantik oleh Greiner sebagai salah seorang pegawai kanan kerajaan. Isu ini telah diperbesarkan oleh pembangkang dan menyebabkan ICAC menyasat dakwaan wujudnya unsur rasuah di dalam tindakan itu. (Matk Philip:1997).

LENSA



PELANCARAN KEMPEN PENCEGAHAN RASUAH #BermulaDaripadaAnda

Tarikh :
24 Jun 2016
Tempat :
Restoran Jejantas
Sg. Buloh (Arah Utara)



PROGRAM MERAKYATKAN SPRM BERSAMA SEGI UNIVERSITY & COLLEGES DAN PERTUBUHAN KEBAJIKAN & PENJAGAAN NUR HIDAYAH

Tarikh : 23 Jun 2016
Tempat : Akademi Pencegahan Rasuah
Malaysia, Kuala Lumpur.



MACC-ACB-CPIB TRIPARTITE GAMES 2016

Tarikh : 28 Mei 2016
Tempat : CPIB, Singapore



PROGRAM MERAKYATKAN SPRM BERSAMA ORANG ASLI DENGAN KERJASAMA C4

Tarikh : 29 Mei 2016
Tempat : RPS Banun, Gerik, Perak



IKRAR INTEGRITI KORPORAT CIP : Penguatan Budaya Integriti, Pencegahan Rasuah Organisasi

Rasuah boleh meningkatkan kos dalam menjalankan perniagaan, mengurangkan peluang untuk bersaing secara adil dan menjejaskan kestabilan perniagaan. Justeru itu, Ikrar Integriti Korporat (CIP) adalah penting dalam memastikan perjalanan perniagaan yang sihat dan mengekalkan reputasi serta imej syarikat/organisasi.

CIP merupakan satu dokumen yang membenarkan sesebuah syarikat/organisasi membuat komitmen bagi mendukung prinsip pencegahan rasuah.

Syarikat/organisasi yang menandatangani ikrar ini berikrar dan berjanji untuk tidak terlibat dalam sebarang bentuk perlakuan rasuah serta melaksanakan usaha-usaha pencegahan yang berterusan.

CIP menggariskan lima prinsip untuk diterima pakai oleh syarikat/organisasi bagi menunjukkan komitmen mereka ke arah membentuk satu persekitaran perniagaan yang adil, telus dan bebas daripada rasuah.

- 1 Komited untuk menggalakkan nilai-nilai integriti, ketelusan, kebertanggungjawaban dan tadbir urus korporat yang mantap.
- 2 Menyokong sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah.
- 3 Mematuhi undang-undang, polisi dan prosedur yang berkaitan dengan usaha memerangi rasuah.
- 4 Membanteras segala bentuk gejala rasuah.
- 5 Menyokong inisiatif pencegahan rasuah oleh kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



Ikrar yang ditandatangani secara sukarela ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) – Membanteras Rasuah, yang dilaksanakan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) bersama dengan Badan Kawal Selia Korporat di Malaysia di bawah Sistem Integriti Korporat Malaysia (Corporate Integrity System Malaysia – CISM). Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah dilantik sebagai penjaga (custodian) CIP. Manakala ahli-ahli lain adalah Institut Integriti Malaysia (IIM), Transparency International Malaysia (TI-M), Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU), NKRA Membanteras Rasuah, Bursa Malaysia Berhad, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SCM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai pelaksana dan penggalak kepada CIP.

Pemeriksaan CIP dibuat melalui pemantauan ke atas penandatanganan sekurang-kurangnya selepas enam bulan CIP ditandatangani. Kaedah pemantauan dan pelaporan dibuat berdasarkan 10 inisiatif Pencegahan Rasuah seperti berikut:



Faedah menandatangani Ikrar Integriti Korporat

Syarikat / organisasi yang menandatangani CIP akan menyatakan dengan jelas bagaimana ia beroperasi. Ini akan termaktub dalam bentuk tulisan, dan menjadi panduan kepada syarikat/organisasi dalam pergaulan perniagaannya, sekiranya ia berdepan dengan kemungkinan merelakan bayaran atau apa-apa jua aktiviti lain yang mungkin berbau rasuah.



KESAN POSITIF menandatangani CIP dan melaksanakan Soal Selidik Penilaian Sistem Integriti Korporat

- 1 Pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat;
- 2 Produktiviti yang lebih besar;
- 3 Nisbah GDP yang lebih tinggi;
- 4 Tahap keyakinan pelabur dari dalam dan luar negara meningkat;
- 5 Membantu syarikat mencapai pertumbuhan ekonomi
- 6 Kemakmuran jangka panjang.



CIP diperkenalkan di MALAYSIA pada tahun 2011

Daripada jumlah tersebut, 161 penandatanganan adalah daripada badan awam, 642 daripada sektor swasta, dan 25 lagi daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO).


Sebanyak 828 syarikat/organisasi telah menandatangani ikrar ini.

Hasil pemantauan melalui Bengkel Pemantauan Ikrar Integriti Korporat yang diadakan pada 14 hingga 16 Oktober 2015 ke atas 37 AGENSI KERAJAAN DAN SWASTA, didapati terdapat kemajuan dalam pelaksanaan inisiatif.

Syarikat/organisasi juga boleh menggunakan ikrar ini untuk membezakan diri dari pesaing-pesaing dengan menunjukkan kepada pihak berkepentingan yang operasi perniagaannya tidak melibatkan sebarang risiko tersembunyi atau kos yang berkait dengan aktiviti rasuah, di samping memperlihatkan komitmen terhadap kesanggupan bertanggungjawab dan ketelusan yang akan meningkatkan keberkesanan dan juga reputasi etika syarikat.

PROSES CIP

- LANGKAH 1** **Daftar dengan CISM**
Syarikat perlulah mendaftar akaun pengguna dalam portal ini. Akaun Pengguna tersebut mestilah didaftarkan dan diuruskan oleh seorang pegawai yang mewakili syarikat tersebut dalam CISM.
- LANGKAH 2** **Lengkapkan Senarai Semak CISM**
Syarikat perlu menjawab Senarai Semak CISM dengan lengkap dan menghantar jawapan tersebut. Senarai semak ini mengandungi 24 soalan.
- LANGKAH 3** **Tunggu pengesahan dari SPRM**
Pendaftaran ikrar anda akan dinilai oleh SPRM. Proses ini tidak akan mengambil masa lebih dari 14 hari untuk diselesaikan. Selepas disahkan, pegawai SPRM akan menghubungi anda
- LANGKAH 4** **Muat turun dan tandatangan borang Ikrar Integriti Korporat**
Syarikat perlu mendapatkan salinan borang CIP dengan memuat turun di halaman ini, atau berjumpa dengan pegawai SPRM. CIP kemudiannya mestilah ditandatangani oleh ketua / pegawai pengurusan tertinggi syarikat (contoh: CEO), sebelum dikembalikan semula kepada SPRM. Selepas tanda tangan, nama syarikat akan tersenarai dalam daftar penandatanganan dalam portal CISM ini.
- LANGKAH 5** **Lengkapkan Kit Penilaian Kendiri (SET)**
Melengkapkan Kit Penilaian Kendiri. Set soalan ini mengandungi 100 soalan, ia digunakan untuk mengukur tahap kesediaan syarikat anda untuk memberi komitmen kepada Ikrar Integriti Korporat.
- LANGKAH 6** **Hantar Pelaporan bagi Inisiatif Anti-Rasuah**
Menghantar Laporan Inisiatif Anti-Rasuah. Laporan hendaklah diisi di halaman ini.



Hubungi

Sekretariat Ikrar Integriti Korporat, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Aras 8, Menara Prisma, Presint 3, 62675 Putrajaya
03-88900600 | 03-88905182
swasta.bpmp@sprm.gov.my | www.cism.my

PELAN STRATEGIK PENCEGAHAN RASUAH (PSPR)

Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam



Di peringkat awal empayar Islam, pentadbiran Khalifah Umar menetapkan beberapa prinsip yang wajar diberikan perhatian. Unsur yang disentuh termasuk anti rasuah; keperluan musyawarah; keperluan mengelak nepotisme dan kronisme; kepentingan perancangan, sistem dan strategi; kepentingan bersikap benar, adil dan tegas; dan keperluan memupuk budaya masyarakat penyayang, terutamanya untuk memenuhi keperluan tertentu, seperti golongan minoriti.

(Datuk Sulaiman Mahbob, New Straits Times, 30 Julai 2005)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipertanggungjawabkan untuk membanteras jenayah rasuah di sektor awam dan swasta. Sepertimana kebanyakan agensi rasuah dunia, ia mengguna pakai pendekatan serampang tiga mata; Penguatkuasaan, Pencegahan dan Pendidikan. Sehubungan itu, Bahagian Pendidikan Masyarakat (PenMas) menjalankan fungsi dan peranannya mengikut Seksyen 7(f) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 iaitu mendidik orang ramai untuk menentang rasuah dan Seksyen 7(g) iaitu mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah. Selaras dengan itu, Cawangan Kerajaan dan Agensi (CKA) PenMas telah melaksanakan usaha pencegahan rasuah di sektor awam melalui Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR).

PSPR merupakan pelan strategi yang makro berteraskan prinsip 'Mencegah adalah lebih baik daripada mengubati' (Prevention is better than Cure) melalui inisiatif pencegahan rasuah secara bersepadu dan berterusan serta usaha dalaman secara sistematik dan berkesan. PSPR merupakan usaha pencegahan rasuah yang berkesan yang secara dalaman.

Objektif PSPR:

- 1 Meningkatkan kefahaman dan kesedaran berhubung jenayah rasuah serta melahirkan warga jabatan yang berintegriti tinggi dan berpegang teguh kepada undang-undang, peraturan dan etika jabatan;
- 2 Memahami cabaran dalam usaha pencegahan rasuah;
- 3 Melaksanakan usaha dalaman pencegahan rasuah;
- 4 Meletakkan tanggungjawab bersama dalam pembanteras rasuah.

PRINSIP PSPR

- 1 Usaha dalaman pencegahan rasuah yang lebih berkesan;
- 2 Penilaian sendiri oleh warga organisasi;
- 3 Warga organisasi mempertahankan imej organisasi;
- 4 Warga organisasi meningkatkan martabat organisasi;
- 5 SPRM sebagai agensi membantu yang memberikan latihan dan khidmat nasihat ke arah usaha-usaha dalaman pencegahan rasuah.

Reformasi Anti-Rasuah melalui PSPR berlandaskan rangka kerja atas ke bawah dan bawah ke atas seperti berikut:

a Rangka Kerja Dari Atas Ke Bawah:


- Taklimat mengenai PSPR kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan mengenai perlu adanya usaha dalaman pencegahan rasuah yang sistematik dan berkesan.
- Pengurusan Tertinggi mempunyai komitmen yang kuat dan mesej "Sifar Toleransi" terhadap rasuah untuk melahirkan warga jabatan yang berintegriti tinggi serta cekap dan berkesan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

b Rangka Kerja Dari Bawah Ke Atas:

- Bengkel "Training Of Trainers" [TOT] kepada warga jabatan sebagai pelaksana untuk menyediakan, mencadangkan dan membentangkan rangka PSPR kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan untuk diterima pakai dan dilaksanakan di Jabatan.



Kaedah pelaksanaan PSPR:



4 STRATEGI TERAS PSPR:

STRATEGI TERAS	KANDUNGAN	TERAS	
1 Pendidikan	Merangka, merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti secara bersepadu bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran bagi memantapkan integriti dalam menangani jenayah rasuah.	Teras 1: Merangka dan melaksanakan program pendidikan pencegahan rasuah	Teras 2: Merangka dan melaksanakan program pendidikan pencegahan rasuah.
2 Pencegahan	Mengesan dan mengenalpasti kelemahan dan seterusnya mempertingkatkan ahan-kelemahan dalam amalan, sistem dan tatacara kerja tahap kecekapan bagi menutup ruang dan peluang perlakuan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dalam organisasi.	Teras 3: Mengesan dan mengenalpasti ruang dan peluang rasuah.	Teras 4: Mengambil langkah-langkah untuk menutup ruang dan peluang rasuah.
3 Pengukuhan	Penekanan kepada usaha-usaha bagi memastikan pematuhan ke atas peraturan dan sistem serta usaha pemulihan terhadap individu dan organisasi yang terdedah dan terlibat dengan aktiviti yang menjejaskan integriti dan kapabiliti organisasi.	Teras 5: Mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan pematuhan kepada peraturan dan sistem.	Teras 6: Mengambil langkah-langkah untuk memperkasa integriti dan kapabiliti.
4 Punitif/Penguatkuasaan	Mewujudkan mekanisme yang dapat meningkatkan usaha-usaha mengesan dan mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang menjejaskan integriti dan kapabiliti organisasi.	Teras 7: Mewujudkan mekanisme organisasi untuk mengesan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa.	Teras 8: Menggunakan mekanisme organisasi untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat.

Pemantauan pelaksanaan PSPR ini oleh PenMas dan melalui sistem pengauditan dalaman organisasi sebagaimana berikut:

a Peringkat 1: PELAPORAN

PSPR yang disiapkan dan dimurnikan di dalam Bengkel Training Of Trainers yang diserahkan kepada Pengurusan Tertinggi organisasi untuk pertimbangan diguna pakai dan dilaksanakan oleh organisasi adalah dokumentasi pelaporan. Seterusnya pelancaran PSPR akan dibuat sebagai komitmen Pengurusan Tertinggi yang sifar toleransi terhadap perlakuan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. Pemantauan dibuat pada bulan Januari / Febuari setiap tahun untuk memastikan bahawa PSPR telah diluluskan untuk dilaksanakan.

b Peringkat 2: PEMANTAUAN

Cawangan Kerajaan Dan Agensi [CKA], Bahagian Pendidikan Masyarakat akan memantau pelaksanaan PSPR secara berkala iaitu enam [6] bulan selepas program atau aktiviti dilaksanakan untuk mendapat maklumbalas mengenai keberkesanan program atau aktiviti yang telah dilaksanakan.

c Peringkat 3: PENILAIAN

Penilaian akan dapat dibuat berdasarkan maklumbalas dan data-data yang diperolehi daripada pemantauan yang dibuat secara berkala iaitu dua [2] kali setahun atau enam [6] bulan atau dua [2] kali setahun selepas program / aktiviti dibuat untuk menilai keberkesannya.



OPS CIP BANK MUAMALAT

Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) menjadi institusi perbankan ke-5 dan organisasi ke-906 di negara ini yang menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP).

Majlis menandatangani CIP tersebut telah diadakan pada 3 Mei 2016 di Bangunan Bank Muamalat dan SPRM diwakili Dato' Sri Haji Mustafar Ali manakala Bank Muamalat diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Redza Shah Abdul Wahid.

Dato' Sri Haji Mustafar ketika membacakan ucap-tama bagi pihak Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed berkata, kesalahan rasuah melibatkan industri korporat merupakan aspek yang perlu dititikberatkan dalam membangunkan polisi-polisi pambanterasan rasuah.

Beliau berkata dengan adanya polisi berkenaan ia mampu mewujudkan situasi di mana organisasi dapat memastikan sistem dan polisi anti-rasuah yang dibangunkan lebih efektif dan terkini.

"Di SPRM kami percaya rasuah diambil kira sebagai punca daripada kegagalan institusi dan bukannya keruntuhan moral individu. Membina satu sistem yang utuh dan institusi yang



Majlis menandatangani CIP di antara SPRM dan Bank Muamalat. SPRM diwakili oleh Dato' Sri Haji Mustafar Haji Ali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM manakala Bank Muamalat pula diwakili oleh Mohd Redza Shah Abdul Wahid, Ketua Pegawai Eksekutif.

seimbang adalah cara terbaik memerangi rasuah," ujar beliau. Dalam masa yang sama, beliau turut menzahirkan harapan supaya lebih banyak organisasi terutamanya institusi perbankan tampil menandatangani CIP kerana integriti dan tadbir urus yang baik merupakan aspek utama yang perlu diberi keutamaan oleh setiap organisasi selain keuntungan. Katanya, SPRM sentiasa komited untuk membantu mana-mana organisasi dalam negara berhubung inisiatif pambanterasan rasuah dengan menawarkan modul pencegahan rasuah dan pembangunan kapasiti.

Turut hadir ke majlis berkenaan ialah Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM dan Pengerusi Bank Muamalat, Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Munir Abdul Majid. **BS**



SYARIKAT PERUMAHAN NEGARA BERHAD
(444205-M)

SPNB AMAL INTEGRITI



Upacara Penyampaian Dokumen Akujanji Korporat SPNB antara SPRM dan SPNB serta taklimat.

Seramai 200 kakitangan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah melafazkan ikrar integriti sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan budaya integriti. Ia merupakan sebahagian pengisian Program Merakyatkan SPRM Bersama SPNB yang berlangsung pada 23 Mei 2016 bertempat di Dewan Kenanga, Wisma Perkeso Kuala Lumpur.

Selain itu, turut diadakan upacara Penyampaian Dokumen Akujanji Korporat SPNB. Ini merupakan satu usahasama SPNB bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) sebagai kesinambungan pada program CIP yang telah ditandatangani pada 28 Ogos 2012.

Pengerusi SPNB, YB Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad mengingatkan warganya agar pembudayaan integriti dilaksanakan sebaiknya.

"Setiap warga kerja mempunyai peranan masing-masing dan yang penting mengamalkannya. Saya percaya dengan adanya usaha berterusan seperti program ini, amalan integriti dan amanah dapat diterapkan," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Dato. Sri Haji Mustafar Haji Ali berkata, pihak SPRM menyokong penuh dengan tindakan yang diambil oleh SPNB di mana usaha ini dapat mengukuhkan integriti dan memperlihatkan satu komitmen yang

tinggi dalam sahutan memerangi rasuah.

Beliau berkata, SPNB perlu memastikan supaya pelan tindakan CIP yang ditandatangani sebelum ini dapat dikemaskini dan dipantau bagi memastikan visi SPNB yang digarapkan akan menjadi satu budaya kerja cemerlang dan berterusan.

Dalam majlis yang sama, Ketua Pegawai SPNB, Datuk Ahmad Azizi Haji Ali menandatangani Dokumen Akujanji Korporat dengan disaksikan oleh YB Datuk Dr. Haji Abd. Latiff dan Dato' Sri Haji Mustafar. **BS**

MQA TEKAD BANTERAS RASUAH



AGENSI Kelayakan Malaysia (MQA) menjadi agensi ke-937 menzahirkan komitmen membanteras rasuah bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP).

Inisiatif ini merupakan komitmen sukarela MQA ke arah mewujudkan persekitaran kerja berprinsip tinggi dan berintegriti selain mengukuhkan kepercayaan pihak berkepentingan sepanjang berurusan dengan MQA.

MQA diwakili Ketua Pegawai

Eksekutifnya, Prof. Dr. Rujhan Mustafa manakala SPRM pula diwakili oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Sri Mustafar Ali bagi menandatangani ikrar CIP sambil disaksikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mary Yap Kain Ching.

Dato' Sri Mustafar ketika berucap pada majlis berkenaan berkata, proses menandatangani ikrar CIP bukan dilakukan secara paksaan malah itu adalah inisiatif sesebuah Agensi dalam menegakkan tadbir urus yang berintegriti.

Justeru katanya, International Organisation for Standardization

(ISO) kini membangunkan satu piawaian baharu untuk membantu organisasi memerangi rasuah dan menggalakkan budaya perniagaan beretika iaitu sijil pengiktirafan ISO 37001 – Anti Bribery Management System dan MQA akan menjadi Agensi pertama yang dinilai di bawah kaedah ini.

"Ia adalah ukuran kawalan sistem pencegahan rasuah bagi membantu syarikat atau organisasi melaksanakan sistem pengurusan yang efektif dalam mencegah, mengesan dan menangani rasuah," ujar beliau. **BS**

SILANGKATA SPRM HADIAH ATAU RASUAH ?

N X H N M N L Z U K A V Z H H A
A M J A K U R A N G A L P T G T
I H J S B D P C J Z F Y T Q W A
R M J U A S G A N J A R A N A M
E M V T W M Z F R N B X E L R A
B P X U P E C F Q A P A F K O R
M H V P O L P P Y A I B N A S E
E U Q E L A Z A A G V A P G A D
P B V K T P M N M R A N Y H K N
R U I R E O B U R A M T F V N E
Z N V Z U R O G E H A U O T D C
E G P O E K N E D G L A G H N I
D A R W N A U R G N A N K T E E
F N A E F N S A D E N Y H U B C
X D A L B I J H T P X L T H U B
Q O J A M I R E T I D L J G S Q

AMALAN	HUBUNGAN
ANUGERAH	KEPUTUSAN
BANTUAN	KURANG
BONUS	MELAPORKAN
CENDERAMATA	PEMBERIAN
DERMA	PENGHARGAAN
DITERIMA	ROSAK
GANJARAN	

SUMBER RUJUKAN:

1. Buku "Bila Hadiah Menjadi Rasuah"
Terbitan: Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan, SPRM.
2. Buku "Nota PENCEGAHAN RASUAH"
Terbitan: Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM.



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Anda Boleh Lakukan Perubahan,
PERANGI Rasuah

#BermulaDaripadaAnda



www.macc.fm



youtube.com/user/ODVMA



[@SPRMCommunity](https://www.instagram.com/SPRMCommunity)